



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERNIKAHAN

MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

BERDASARKAN PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 1
(BERKUATKUASA 1 OGOS 2021)

1. Pasangan yang telah mendapat kelulusan pernikahan daripada pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan JAWI Putrajaya sahaja yang dibenarkan.
2. Pasangan dikehendaki hadir ke pejabat pentadbiran masjid untuk urusan **tempahan tempat dan waktu pernikahan** pada setiap hari Isnin hingga Jumaat bermula pukul 9:00 pagi hingga 1:00 petang. (Kecuali hari Jumaat hingga 12:15 tengah hari)
3. Pihak yang terlibat perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:
 - i. Hanya **3 orang sahaja dibenarkan hadir dalam majlis akad** iaitu **Pengantin Lelaki, Pengantin Perempuan dan Wali**;
 - ii. Tidak mempunyai gejala;
 - iii. Bukan kontak rapat kepada kes positif Covid-19 atau yang di bawah Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Di Rumah (HSO);
 - iv. Bukan dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD);
 - v. Semua pihak yang dibenarkan hadir adalah **diwajibkan** untuk menjalani ujian saringan covid (**swab test**) walaupun telah menerima vaksin yang lengkap. Keputusan ujian yang disahkan **negative**, hendaklah dikemukakan kepada pihak masjid sebagai bukti untuk membolehkan majlis akad nikah diadakan. Ujian hendaklah dibuat dalam tempoh **3 hari** sebelum tarikh pernikahan;
(Hanya ujian saringan yang dilakukan di fasiliti kesihatan dan ada pengesahan oleh klinik sahaja yang diterima untuk tujuan majlis akad nikah samada jenis RTK-Antigen/PCR, kedua-duanya diterima. Ujian kendiri menggunakan self-test kit tidak diterima.)
 - vi. Bekas pesakit Covid-19 dan telah sembah sepenuhnya adalah diwajibkan mengemukakan surat pengesahan (*discharge note*) daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri;
 - vii. Keluarga pengantin **tidak dibenarkan** menunggu di bahagian dalam kawasan lapangan masjid;
 - viii. Pasangan dan wali hanya akan dibenarkan masuk **15 minit** sebelum waktu akad nikah. Sila hadir tepat pada waktu. **Tidak dibenarkan** berlegar-legar di lobi masjid; dan
 - ix. Pihak yang terlibat hendaklah menjalani saringan dipintu masuk masjid iaitu;
 - Membuat pemeriksaan suhu badan;
 - Suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala tidak dibenarkan masuk;
 - Mendaftarkan kehadiran menggunakan imbasan QR Code melalui aplikasi MySejahtera atau merekodkan kehadiran di dalam buku kehadiran yang disediakan; dan
 - Memakai pelitup muka (*face mask*) dan menggunakan pembersih tangan (*hand sanitizer*).



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PERNIKAHAN

MASJID PUTRA, PUTRAJAYA

4. Tempat, susun atur dan waktu majlis akad nikah adalah seperti berikut:

- i. Tempat pernikahan di **SAHN KANAN MASJID PUTRA**;
- ii. Tempoh masa satu pernikahan adalah **15 minit**;
- iii. Waktu pernikahan yang dibenarkan adalah antara pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja;
- iv. Hanya **1 pasangan sahaja** dalam satu masa;
- v. Susun atur majlis akad nikah hendaklah mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya **1.5 meter**;
- vi. Tidak dibenarkan berjabat tangan antara jurunikah dengan pengantin lelaki dan antara semua pihak yang terlibat dalam majlis akad nikah;
- vii. **Hanya mas kahwin dan dokumen yang berkaitan sahaja** dibenarkan berada dalam ruang majlis; dan
- viii. Tempat dan peralatan pernikahan disanitasi sebelum dan selepas pernikahan oleh pihak masjid.

5. Pihak masjid berhak untuk **membatalkan** urusan pernikahan sekiranya pihak-pihak yang terlibat gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Adalah penting kepada pihak-pihak yang terlibat memastikan pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan agar urusan pernikahan dapat dilaksanakan dengan baik.

MASJID PUTRA, PUTRAJAYA.